

# Tradewinds sedia bantu bangun semula BB Plaza

## Syarikat syor usaha sama jadikan aset UDA gerbang utama MRT

Oleh Che Wan Badrul Alias  
chewan@bharian.com.my

**T**RADEWINDS Corporation Bhd bercadang mengadakan usaha sama dengan UDA Holdings Bhd, pemilik Bukit Bintang Plaza (BB Plaza) bagi membangunkan semula kompleks beli-belah berusia lebih 40 tahun itu.

Sumber berkata, syarikat hartanah dan perhotelan milik tokoh perniagaan Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary itu sudah mengemukakan cadangan penubuhan syarikat tujuan khas (SPV).

Jelasnya, ia akan bertanggungjawab membangunkan semula BB Plaza sebagai gerbang utama MY Rapid Transit (MRT) ke Bukit Bintang yang dijangka siap menjelang 2017.

Dari segi peratusan pemilikan ekuiti SPV berkenaan, ia adalah perkongsian pegangan 50-50 antara Tradewinds dan UDA Holdings, kata sumber berkenaan.

"Tradewinds Corporation me-

mang mengemukakan cadangan kepada UDA Holdings, namun ia bukan cadangan untuk membeli pusat beli-belah itu seperti dilaporkan media sebelum ini.

"Kumpulan itu berhasrat mengadakan usaha sama dengan UDA Holdings menerusi SPV bagi membangunkan semula BB Plaza, justeru memastikan ia dibuat selaras dengan pembangunan perkhidmatan MRT," katanya ketika dihubungi *Berita Harian* di Kuala Lumpur, kelmarin.

Namun, katanya, Lembaga Pengarah UDA Holdings baru-baru ini menolak cadangan dikemukakan Tradewinds Corporation itu. Lembaga Pengarah UDA Holdings berpendapat syarikat itu tidak mendapat keuntungan sewajarnya daripada usaha sama membangunkan semula BB Plaza.

"Sehingga kini tidak dapat dipastikan Tradewinds Corporation akan menghantar cadangan baru kepada UDA Holdings," katanya.

Media sebelum ini melaporkan,



**BANGUNAN BB Plaza di Jalan Bukit Bintang yang berusia lebih 40 tahun terbabit dalam pembinaan stesen bawah tanah MRT.**

UDA Holdings masih menunggu arahan Kementerian Kewangan sebagai pemegang sahamnya berhubung status bangunan BB Plaza sama ada kekal, dirobah atau diambil alih oleh mana-mana pihak.

Ia berikutan keputusan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) yang berhasrat membina stesen MRT yang disepadukan dengan BB Plaza di ruang bawah kompleks terbabit.

Pembinaan stesen bawah tanah MRT itu sekali gus menyebabkan sebahagian ruang hadapan dan pintu masuk utama ke Kompleks BB

Plaza serta tempat letak kereta bawah tanah ditutup bagi memulakan pembinaan stesen MRT itu.

MRT Corp dalam kenyataannya berkata, rancangan menyepadukan stesen itu dengan BB Plaza akan memastikan projek itu tidak membabitkan hartanah persendirian.

Katanya, ia juga menyediakan peluang keemasan menonjolkan semula kompleks beli-belah tertua di kawasan 'segi tiga emas Kuala Lumpur' itu dengan kemudahan sambungan terus kepada sistem pengangkutan awam utama yang akan dibangunkan berkenaan.